



Sistem pembetulan kekotak tiga sel longkang berhadapan Pusat Perniagaan IOI Mall Puchong dikatakan punca banjir kilat.

Empat punca air naik

➔ Kejadian berlarutan sejak 2013 tanpa ada penyelesaian

Oleh Wan Nur Faliqha
Wan Hazani
bhnews@bh.com.my

■ Puchong

Empat punca utama dikenal pasti menyebabkan banjir kilat teruk berlaku di tempat letak kereta Pusat Perniagaan IOI Mall Puchong serta kawasan Stesen Transit Aliran Ringan (LRT) IOI

Puchong Jaya dan sebahagian Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP) (arah selatan), kelmarin.

Masalah sistem pembetulan kekotak

Masalah itu disebabkan oleh sistem pembetulan kekotak tiga sel di longkang berhadapan Pusat Perniagaan IOI Mall Puchong, sistem perparitan di Stesen LRT IOI Puchong Jaya, saluran air ke Sungai Klang yang kecil serta taburan hujan yang tinggi.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan LITRAK, Sazally Saidi, berkata empat punca itu menyebabkan banjir kilat yang disertai taburan hujan paling tinggi setakat ini iaitu 81 milimeter (mm).

“Kejadian seperti ini berlaku sejak 2013 dengan punca yang sama kecuali sistem perparitan di Stesen LRT IOI Puchong Jaya.

Perparitan ditimbus

“Sistem pembetulan kekotak tiga sel di longkang berhadapan Pusat Perniagaan IOI Mall Puchong sepatutnya dijadikan sistem satu sel saja bagi memudahkan pengaliran air di situ,” katanya, di sini, semalam.

Katanya, sistem perparitan di Stesen LRT IOI Puchong Jaya yang ditimbus sepanjang 100 meter menyebabkan air tidak mempunyai tempat untuk mengalir.

Ia berlaku sejak LRT di situ beroperasi yang akan menyebabkan air bertakung kerana

tidak mempunyai saluran air yang betul.

Sazally berkata, siasatan dijalankan pihaknya mendapati sistem perparitan LDP berfungsi dengan baik dan pihaknya akan terus memantau sistem perparitan dan pembetulan di sepanjang LDP.

“Kami berharap Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dapat melebarkan longkang ke Sungai Klang supaya air dapat mengalir secara sistematik,” katanya.

Sazally berkata, kejadian banjir kilat teruk berlaku pada tahun 2013, 2015 dan 2016 namun tiada tindakan lanjut diambil.

“Kami berharap pihak tertentu dapat mengambil tindakan dan menangani isu ini bersama kerana ia membabitkan keselamatan orang awam,” katanya.